

Pemerintah turut ambil serius dorong Melayu maju

*Shanmugam ajak
masyarakat bekerjasama
menjadi lebih berjaya*

oleh
ROSEBI MOHD SAH
rosebi@sph.com.sg

ISU dan masalah Melayu/Islam tidak harus dilihat sebagai menjadi tanggungan masyarakat atau badan-badan Melayu/Islam sahaja.

Sebaliknya, pemerintah tidak pernah mengabaikan, malah sudah menjadi sebahagian dasarnya untuk menangani isu dan cabaran yang dihadapi masyarakat Melayu/Islam dari sudut nasional, kata seorang menteri kabinet semalam.

Sebab itulah ia sentiasa memberikan segala bentuk bantuan dan sumber bagi memastikan kesejahteraan dan kejayaan Melayu/Islam.

Hal ini diterangkan oleh Encik K. Shanmugam semasa berdialog dalam satu forum tertutup anjuran Pusat Penyelidikan Hal Eihal Islam dan Melayu (Rima) dan Angkatan Karyawan Islam (AMP).

Beliau berkata adalah lebih baik dan berkesan jika badan-badan Melayu/Islam dapat terus meningkatkan lagi kerjasama dengan pemerintah dalam membantu masyarakat mencapai lebih banyak lagi kejayaan. Pemerintah pula sanggup membiayai sebahagian besar usaha yang dilakukan badan-badan itu.

Namun, beliau yakin bahawa masyarakat Melayu/Islam dapat ke tahap lebih tinggi, dengan lebih ramai yang berjaya mara memasuki golongan kelas pertengahan.

Encik Shanmugam, Menteri Eihal Luar merangkap Undang-Undang, merumuskan inti mesej beliau semasa berdialog itu kepada media selepas forum tersebut di Hotel Orchard.

Menurut beliau, sejak dahulu lagi sudah menjadi hasrat, pendirian dan komitmen pemerintah membantu masyarakat Melayu/Islam mengatasi masalah-masalah mereka, dan menghadapi cabaran-cabaran untuk menjadi lebih maju lagi.

Beliau berkata: “Saya ingin memperbaiki salah faham yang dikemukakan dalam perbincangan tadi iaitu pemerintah mengambil pendekatan kepada masalah masyarakat Melayu hanya dengan membiarkan masalah itu ditangani badan-badan Melayu atau badan-badan bantu diri.

“Sama ada Melayu, India atau Cina, indi-

vidu itu perlu berusaha, pergi sekolah, pergi bekerja, dalam apa jua pekerjaan. Jika mereka tidak berminat untuk melakukan itu semua, tidak ada apa yang dapat dilakukan.

“Dengan adanya keinginan itu, pemerintah mempunyai peranan utama untuk memastikan sistem dan ruang yang tersedia agar mereka tidak tercicir. Dengan penglibatan badan-badan bantu diri seperti Mendaki, AMP bekerjasama dengan pemerintah, kita boleh lakukan lebih banyak lagi untuk membantu masyarakat.

“Jika masyarakat Melayu tidak menunjukkan prestasi yang baik, ia menjadi masalah nasional. Ia bukan sahaja menjadi masalah Melayu/Islam tetapi masalah nasional yang harus ditangani secara nasional.”

Memberi contoh, Encik Shanmugam berkata banyak sumber telah diperuntukkan kepada badan bantu diri Melayu-Islam bagi menangani pelbagai masalah dan cabaran yang dihadapi masyarakat tersebut.

Justeru, beliau menggesa badan-badan Melayu-Islam supaya dapat bekerjasama bagi memanfaatkan sumber-sumber dengan lebih baik lagi bagi mencapai lebih banyak kejayaan.

Di sini, katanya, masyarakat kelas pertengahan Melayu-Islam yang semakin meningkat dapat memainkan peranan dan menyumbang membantu masyarakat.

Beliau menambah: “Golongan pertengahan yang berjaya harus tampil dan bekerjasama dengan pemerintah. Kami boleh membiayai 80 hingga 90 peratus kerja-kerja yang dilakukan badan-badan sukarela supaya dapat memberi motivasi melakukan pelbagai kerja-kerja sosial.

“Untuk bantuan selanjutnya, pegawai awam dan kementerian boleh memberi bantuan pentadbiran dan sokongan. Masyarakat Melayu/Islam juga mempunyai keupayaan dan kelebihan mencapai tahap cemerlang, jika mereka dapat bekerjasama dan bekerja keras, dengan bantuan badan-badan dan pemerintah.”

Diminta oleh *Berita Minggu* mengenai komennya tentang dialog tertutup itu, Pengerusi AMP, Encik Azmoon Ahmad, berkata beliau dan AMP menghargai pandangan terbuka dan terus terang Encik Shanmugam.

“Walaupun ada daerah-daerah yang kami tidak begitu setuju, kami cukup menghargai pandangan beliau yang berterus-terang dan terbuka. Undangan Encik Shanmugam mengadakan dialog susulan sangat menggalakkan dan kami menyambut baik,” tambahnya.

**Perbincangan penuh tenaga dan jujur:
Lihat Muka 5**